Kamarudin bin Othman dan satu lagi lwn Mohamad Izuwan bin Hayat

A

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN SIVIL NO 12B-586 TAHUN 2011
TENGKU MAIMUN H
5 JUN 2012

B

C

Keterangan — Hakim — Kegagalan untuk mempertimbangkan keterangan — Keterangan pegawai penyiasat disokong oleh keterangan lisan dan keterangan bebas — Sama ada hakim gagal mempertimbangkan keterangan pegawai penyiasat — Sama ada hakim terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta

D

Tort — Kecuaian — Kemalangan jalan raya — Rayuan — Tuntutan ganti rugi am dan khas — Kuantum dan liabiliti pihak-pihak — Sama ada hakim membuat analisis tepat — Sama ada award ganti rugi bagi plaintif berpatutan — Sama ada hakim terkhilaf dari segi undang-undang

E

Plaintif-plaintif merupakan penunggang dan pembonceng motosikal yang terlibat dalam kemalangan jalan raya dengan defendan yang juga sedang menunggang motosikal. Lantaran itu, plaintif-plaintif mendakwa defendan di mahkamah sesyen atas dasar kecuaian dan telah memfailkan tuntutan bagi ganti rugi am dan khas. Hakim mahkamah sesyen memutuskan bahawa plaintif dan defendan masing-masing bertanggungan sebanyak 75% dan 25%. Plaintif-plaintif diawardkan secara global sebanyak RM40,000 manakala tuntutan mereka untuk ganti rugi khas atas kehilangan barangan peribadi telah ditolak. Di Mahkamah Tinggi, plaintif-plaintif merayu terhadap liabiliti dan kuantum dengan asas bahawa hakim mahkamah sesyen telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta. Plaintif-plaintif menghujahkan bahawa hakim mahkamah sesyen gagal membuat analisis sendiri dan sebaliknya menerima bulat-bulat dengan memasukkan 90% hujahan pihak defendan ke dalam alasan penghakimannya. Seterusnya, hakim mahkamah sesyen telah membenarkan ganti rugi am yang terlalu rendah dan gagal memberikan award untuk ganti rugi khas dan award untuk pembedahan masa depan plaintif pertama. Dihujahkan lagi bahawa hakim mahkamah sesyen gagal mempertimbangkan keterangan pegawai penyiasat ('SP1').

F

G

H

I

Diputuskan, membenarkan rayuan plaintif-plaintif dengan kos:

(1) Mahkamah mengetepikan penghakiman hakim mahkamah sesyen kerana beliau langsung tidak menganalisis keterangan saksi dan ini

bermakna beliau gagal mengarahkan pemikirannya dan gagal mempertimbangan keterangan saksi-saksi. Ini adalah satu salah arah yang serius (lihat perenggan 11).

(2) Adalah jelas hakim mahkamah sesyen yang bijaksana mengambil hampir keseluruhan hujahan pihak defendan dan memasukkannya sebagai alasan penghakiman beliau. Perkara ini sangat ketara. Hujahan bertulis pihak defendan sebahagiannya dalam Bahasa Melayu dan sebahagian lagi dalam Bahasa Inggeris dan perkara yang sama berlaku dalam alasan penghakiman hakim mahkamah sesyen (lihat perenggan 7).

(3) Award secara global RM40,000 diketepikan kerana hakim mahkamah sesyen gagal mempertimbangkan kecederaan plaintif pertama dan laporan pakar mengenai kecederaan plaintif pertama. Mahkamah membenarkan tuntutan-tuntutan plaintif-plaintif iaitu tuntutan bagi ganti rugi am sebanyak RM52,500 dan ganti rugi khas sebanyak RM1,300 bagi kerosakan barangan peribadi (lihat perenggan 3).

(4) Versi defendan adalah dia telah melanggar plaintif-plaintif di sisi belakang sebelah kanan apabila plaintif pertama tiba-tiba membelok ke kanan. Sebaliknya plaintif-plaintif mendalihkan bahawa motosikalnya dilanggar dari belakang. Keterangan SP1, berdasarkan hasil siasatannya, menyokong versi plaintif-plaintif dan adalah konsisten dengan keterangan bebas iaitu, kerosakan motosikal plaintif-plaintif adalah di bahagian belakang dan kerosakan motosikal defendan adalah di bahagian hadapan. Berdasarkan keterangan lisan saksi-saksi yang disokong oleh keterangan bebas, versi plaintif adalah lebih berkemungkinan. Oleh itu, defendan bertanggungan 100% (lihat perenggan 12, 14–15).

[English summary

The plaintiffs were the rider and pillion rider of the motorcycle which was involved in a road accident with the defendant who was also riding a motorcycle. As a result the plaintiffs sued the defendant in the sessions court for negligence and filed a claim for general and special damages. The sessions court judge held that the plaintiff and the defendant were liable at 75% and 25% respectivey. The plaintiffs were awarded RM40,000 globally, whereas their claim for special damages for the loss of personal items had been dismissed. In the High Court, the plaintiffs appealed against the liability and quantum on the grounds that the sessions court judge had erred in law and facts. The plaintiffs contended that the sessions court judge had failed to make his own analysis and instead accepted in toto by admitting 90% of the defendant's submission into his grounds of judgment. Further, the sessions court judge had allowed a very low general damages and had failed to award special damages and award for future surgery for the first plaintiff. It was further contended that

the sessions court judge had failed to consider the testimony of the investigation officer ('SP1'). A

Held, allowing the plaintiffs' appeal with costs:

(1) The court set aside the sessions court judge's judgment as he had not analysed at all the witness' evidence and this meant that he had failed to direct his mind and had failed to consider the witnesses' evidence. This was a serious misdirection (see para 11). B

(2) It was clear that the learned sessions court judge had taken almost in total the defendant's submission and inserted the same as his grounds of judgment. This was very obvious. The defendant's written submission was partly in Bahasa Malaysia and another part was in English and the same thing happened in the sessions court judge's grounds of judgment (see para 7). C D

(3) The global award of RM40,000 was set aside as the sessions court judge had failed to consider the first plaintiff's injuries and the expert report pertaining to the first plaintiff's injuries. The court allowed the plaintiffs' claims ie the claim for general damages of RM52,500 and special damages of RM1,300 for the loss of personal items (see para 3). E

(4) The defendant's version was that he had knocked the plaintiffs from the side at the back from the right when the first plaintiff had suddenly turned right. On the other hand, the plaintiffs denied that his motorcycle was knocked down from the back. SP1's testimony, based on his investigation, supported the plaintiffs' version and was consistent with the independent evidence, ie the damages to the plaintiffs' motorcycle were at the back and the damages to the defendant's motorcycle were in the front. Based on the oral evidence of the witnesses which was supported by the independent evidence, the plaintiffs' version was more probable. Therefore, the defendant was 100% liable (see paras 12, 14–15).] F G

Nota-nota

Untuk kes mengenai kegagalan untuk mempertimbangkan keterangan, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 2137. H

Untuk kes-kes mengenai kemalangan jalan raya, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 1763–1764.

Kes-kes yang dirujuk I

Abdul Mokhti bin Haji Ahmad v Idris bin Ibrahim [1977] 2 MLJ 85 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 kaedah 10

Justin Morais (Justin Morais & Co) bagi pihak plaintif.
Vincent Choo Kok Wai (Ooi Aik Lim & Associates) bagi pihak defendan.

Tengku Maimun H:

[1] Plaintif pertama sedang menunggang motosikal bersama anaknya sebagai pembonceng apabila terlibat dengan kemalangan jalan raya dengan defendan yang juga menunggang motorsikal. Akibat kemalangan itu, plaintif pertama mengalami kecederaan *malunited double fracture of right femur* dengan kependekan 1.5 cm dan parut-parut 5.0 cm, 3.5 cm dan 2.0 cm di pehanya.

[2] Plaintif-plaintif mengatakan kemalangan berpunca daripada kecuaian defendan dan plaintif-plaintif telah memfailkan tindakan di mahkamah sesyen terhadap defendan menuntut ganti rugi am dan khas.

[3] Hakim mahkamah sesyen ('HMS') yang bijaksana telah memutuskan plaintif dan defendan masing-masing bertanggungan sebanyak 75% dan 25% dan memberikan award secara global sebanyak RM40,000 kepada plaintif pertama dan menolak tuntutan plaintif-plaintif untuk ganti rugi khas atas kerosakan dan kehilangan barangan peribadi.

[4] Di hadapan saya ialah rayuan plaintif-plaintif terhadap liabiliti dan kuantum. Di dalam memorandum rayuan, plaintif-plaintif mengemukakan, antara lain alasan-alasan berikut:

(a) HMS yang bijaksana tersilap dari segi undang-undang dengan menerima secara bulat-bulat dan 'cut and paste' lebih kurang 90% daripada hujahan peguamcara defendan dan memasukkannya ke dalam alasan penghakimannya sebagai alasan beliau sendiri;

(b) HMS yang bijaksana tersilap dari segi undang-undang dan fakta kerana gagal membuat analisis sendiri secara objektif dan seterusnya gagal memberi alasan penghakiman beliau sendiri berkaitan isu liabiliti dan kuantum ganti rugi;

(c) HMS yang bijaksana tersilap dari segi undang-undang dan fakta kerana gagal memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada keterangan pegawai penyiasat bahawa kemalangan berpunca daripada defendan;

(d) HMS yang bijaksana tersilap dari segi undang-undang dan fakta kerana gagal memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada keterangan pegawai penyiasat bahawa defendan telah disaman di bawah kaedah 10, Kaedah-Kaedah Lalulintas LN 166/59 kerana melanggar motosikal plaintif dari belakang; dan

(e) HMS yang bijaksana tersilap dari segi fakta dan undang-undang kerana membenarkan ganti rugi am yang terlalu rendah; kerana gagal memberikan award untuk kesakitan dan kesengsaraan kepada plaintif pertama berkaitan pembedahan masa depan dan kerana gagal memberikan apa-apa award untuk ganti rugi khas kepada plaintif-plaintif.

KEPUTUSAN

[5] HMS yang bijaksana telah menyediakan alasan penghakiman di dalam 14 muka surat (bermula daripada ms 16–30 rekod rayuan). Muka surat 16–22 alasan penghakiman HMS mengenai liabiliti adalah sama iaitu 'word for word' dengan penghujahan bertulis peguamcara bijaksana pihak defendan di ms 111–116 rekod rayuan.

[6] Mengenai ganti rugi am pula, alasan penghakiman HMS yang bijaksana (di ms 22–29 rekod rayuan) adalah juga 'word for word' dengan hujahan bertulis peguamcara bijaksana pihak defendan di ms 116–122 rekod rayuan.

[7] Adalah jelas HMS yang bijaksana mengambil hujahan bertulis peguamcara defendan dan menjadikannya alasan penghakiman beliau. Perkara ini adalah sangat ketara. Hujahan bertulis pihak defendan sebahagiannya adalah di dalam Bahasa Melayu dan sebahagian lagi di dalam Bahasa Inggeris. Perkara yang sama berlaku pada alasan penghakiman HMS di mana sebahagian alasan penghakiman adalah di dalam Bahasa Melayu dan sebahagian lagi di dalam Bahasa Inggeris.

[8] Hujahan pihak defendan dimulai dengan Bahasa Melayu di ms 111–116 rekod rayuan dan hujahan ini didapati di dalam alasan penghakiman HMS di ms 16–22 rekod rayuan. Sebahagian hujahan pihak defendan yang ditulis di dalam Bahasa Inggeris di ms 117–122 pula didapati di ms 23–29 rekod rayuan sebagai sebahagian alasan penghakiman HMS.

[9] Seterusnya, satu contoh yang menunjukkan HMS mengambil bulat-bulat hujahan peguamcara pihak defendan ialah di mana HMS menyatakan di alasan penghakimannya bahawa 'As lawyers we ought to argue for more amounts with good reasons. In the past, some judges have given amounts indiscriminately and without challenging the lawyers to give good reasons …' (lihat ms 24–26 rekod rayuan). Perkataan-perkataan yang diberi penekanan di atas hanya terbit daripada suatu penghujahan oleh peguamcara dan bukan daripada suatu alasan penghakiman oleh seorang HMS.

[10] Memandangkan yang tersebut di atas, ternyata memorandum rayuan

plaintif-plaintif ada asasnya kerana HMS yang bijaksana telah mengambil hampir keseluruhan hujahan pihak defendan dan memasukkannya sebagai alasan penghakiman beliau.

[11] HMS yang bijaksana tidak langsung membuat analisis terhadap keterangan saksi dan ini bermakna HMS yang bijaksana gagal mengarahkan pemikirannya dan gagal memberikan sebarang pertimbangan kepada keterangan saksi-saksi. Ini adalah suatu salah arah yang serius dan atas dasar itu saya ketepikan penghakiman HMS.

[12] Versi defendan ialah dia di sebelah kanan dan plaintif di sebelah kiri. Defendan mengatakan plaintif tiba-tiba belok ke kanan, jadi defendan telah melanggar plaintif di sisi belakang sebelah kanan. Versi plaintif pula ialah bahawa defendan melanggar plaintif dari belakang.

[13] Jika versi defendan adalah benar, maka plaintif kedua iaitu pembonceng akan mengalami kecederaan di kaki dan motosikal akan rosak di sisi. Bagaimanapun, plaintif kedua tidak mengalami kecederaan sedemikian dan motosikal plaintif mengalami kerosakan tepat di belakang iaitu lampu belakang pecah dan nombor plet belakang kemek. Defendan sendiri di dalam pemeriksaan balas mengakui telah melanggar bahagian belakang motosikal plaintif.

[14] Keterangan pegawai penyiasat ('SP1') menyokong versi plaintif. SP1 menyatakan kedua-dua motorsikal plaintif dan defendan bergerak dari arah yang sama dan defendan berada di belakang plaintif. Mengikut SP1, hasil siasatan menunjukkan bahawa punca kemalangan ialah kerana motosikal defendan melanggar motosikal plaintif dari belakang. Keterangan SP1 ini adalah konsisten dengan keterangan bebas iaitu kerosakan pada motosikal plaintif di bahagian belakang dan tidak pada sisi sebelah kanan (ms 147–149 rekod rayuan) dan konsisten juga dengan kerosakan motosikal defendan di bahagian hadapan (ms 145 rekod rayuan).

[15] Berdasarkan keterangan lisan saksi-saksi yang disokong oleh keterangan bebas, saya dapati versi plaintif adalah lebih berkemungkinan dan saya dengan itu mendapati defendan bertanggungan 100% (lihat kes *Abdul Mokthi bin Haji Ahmad v Idris bin Ibrahim* [1977] 2 MLJ 85).

[16] Mengenai kuantum, HMS telah memberikan award secara global sebanyak RM40,000. Oleh kerana HMS gagal menimbang secara sendiri kecederaan plaintif pertama dan laporan pakar mengenai kecederaan plaintif pertama sebaliknya telah menceduk penghujahan pihak defendan dalam memberikan award ganti rugi am, saya ketepikan award HMS yang tersebut.

[17] Setelah menimbang hujahan kedua-dua pihak berserta nas-nas yang dikemukakan, saya membenarkan ganti rugi am seperti berikut: A

(a) RM40,000 untuk *malunited double fracture of right femur*;

(b) RM5,000 untuk parut;

(c) RM2,500 untuk pembedahan masa hadapan; dan B

(d) RM5,000 untuk kesakitan dan kesengsaraan.

[18] Untuk ganti rugi khas pula, saya membenarkan award seperti berikut berdasarkan keterangan bersumpah plaintif pertama dan kedua yang pada pendapat saya adalah suatu jumlah yang munasabah: C

(a) RM350 kepada plaintif pertama untuk kerosakan pada pakaian, kasut dan jam tangan; dan

(b) RM950 kepada plaintif kedua untuk kerosakan pada pakaian, kasut, jam tangan dan gelang emas. D

[19] Kesimpulannya, rayuan plaintif telah dibenarkan dengan kos.

Rayuan plaintif-plaintif dibenarkan dengan kos. E

Dilaporkan oleh Ibnu Aswan

F

G

H

I